

Bil. S 43

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH DARURAT (AKTA TARAF KEBANGSAAN BRUNEI) (PINDAAN), 2000

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraiian (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Akta Taraf Kebangsaan Brunei) (Pindaan), 2000.

Pindaan bab 4 dari Penggal 15.

2. Bab 4 dari Akta Taraf Kebangsaan Brunei adalah dipinda, dalam ceraiian (1) —

- (a) dengan menambah yang berikut sejurus selepas "Tutong;" pada penghujung perenggan (a) —

"dan mana-mana orang yang dilahirkan di luar Brunei sebelum, pada atau selepas hari yang ditetapkan, yang bapanya adalah, pada masa orang itu dilahirkan, seorang rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan kuatkuasa mutlak undang-undang di bawah perenggan ini atau perenggan (c)(i) dan bekerja di luar Brunei dalam perkhidmatan Kerajaan, dengan mana-mana syarikat yang berdaftar di Brunei atau dalam hal keadaan yang khas sebagaimana yang difikirkan patut oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia, jika kelahiran orang itu telah didaftarkan di sebuah Pejabat Konsul Brunei atau di Brunei dalam masa 6 bulan selepas kelahiran itu, atau tempoh yang lebih lanjut sebagaimana yang mungkin dalam sebarang hal tertentu diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia;"

- (b) dengan menambah yang berikut sejurus selepas "Akta ini;" pada penghujung perenggan (b) —

"dan mana-mana orang yang dilahirkan di luar Brunei sebelum, pada atau selepas hari yang ditetapkan, yang bapanya adalah, pada masa orang itu dilahirkan, seorang rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan kuatkuasa mutlak undang-undang di bawah perenggan ini atau perenggan (c)(ii) dan bekerja di luar Brunei dalam perkhidmatan Kerajaan, dengan mana-mana syarikat yang berdaftar di Brunei atau

dalam hal keadaan yang khas sebagaimana yang difikirkan patut oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia, jika kelahiran orang itu telah didaftarkan di sebuah Pejabat Konsul Brunei atau di Brunei dalam masa 6 bulan selepas kelahiran itu, atau tempoh yang lebih lanjut sebagaimana yang mungkin dalam sebarang hal tertentu diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia;;

- (c) dengan menambah yang berikut sejurus selepas "Kebawah Duli Yang Maha Mulia" dalam baris terakhir perenggan (d) —

"dan mana-mana orang yang dilahirkan di luar Brunei sebelum, pada atau selepas hari yang ditetapkan, yang bapanya adalah, pada masa orang itu dilahirkan, seorang rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan bekerja di luar Brunei dalam perkhidmatan Kerajaan, dengan mana-mana syarikat yang berdaftar di Brunei atau dalam hal keadaan yang khas sebagaimana yang difikirkan patut oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia, jika kelahiran orang itu telah didaftarkan di sebuah Pejabat Konsul Brunei atau di Brunei dalam masa 6 bulan selepas kelahiran itu, atau tempoh yang lebih lanjut sebagaimana yang mungkin dalam sebarang hal tertentu diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia;; dan

- (d) dengan memasukkan "atau 6 atau mengikut cara penuangan taraf kebangsaan di bawah bab 8" sejurus selepas "bab 5" dalam baris keempat perenggan (e).

Diperbuat pada hari ini 21 haribulan Safar, Tahun Hijrah 1421 bersamaan dengan 25 haribulan Mei, 2000 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM